

Kawalan Undang-Undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia

Legal Controls Towards Construction of Houses of Worship in Malaysia

NURUL FAEZAH MD AHAIR, Universiti Kebangsaan Malaysia
ZULIZA MOHD KUSRIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: March 11, 2020 Accepted: July 27, 2020 Online Published: December 15, 2020

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Pembinaan rumah ibadat termasuk hak mengamalkan agama dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan, namun undang-undang berkaitan tidak dipatuhi sepenuhnya kerana wujud penganut agama membina rumah ibadat tanpa mengikut piawaian dan tidak berdaftar. Tindakan tersebut bersandarkan pemahaman bahawa pembinaan rumah ibadah adalah termasuk dalam hak mengamalkan ajaran agama yang dijamin oleh Perlembagaan. Artikel ini bertujuan menganalisis tuntutan pembinaan rumah ibadat menurut ajaran agama-agama dan kawalan undang-undang yang disediakan bagi pembinaan rumah ibadat orang Islam dan bukan Islam di Malaysia. Hasil kajian mendapati rumah ibadat menjadi keperluan kepada penganut setiap agama berdasarkan kepada tuntutan ibadah yang memerlukan tempat berhimpun untuk melaksanakan aktiviti keagamaan. Namun terdapat agama yang tidak menyatakan tuntutan secara bertulis dalam kitab-kitab suci mereka terhadap keperluan mendirikan rumah ibadat. Kajian juga mendapati peruntukan perundangan dan garis panduan bagi pembinaan rumah ibadat yang telah dinyatakan melalui Perlembagaan Persekutuan, Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Garis Panduan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, Garis Panduan Kuil Hindu Kebangsaan dan Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Islam. Pembinaan rumah ibadat bagi semua agama dijamin Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya, kajian mendapati Perlembagaan Persekutuan memperuntukan jaminan bagi pengurusan kewangan pembinaan rumah ibadat bukan Islam melalui Perkara 11(3)(c). Begitu juga bagi agama Islam jaminan kewangan bagi pengembangan pendidikan Islam termasuklah aktiviti pengembangan agama yang dilaksanakan di masjid diperuntukan dengan jelas dalam Perkara 12(2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kata kunci: agama, rumah ibadat, Islam, bukan Islam, jaminan undang-undang.

ABSTRACT

The construction of houses of worship is included in the right to practice religion in Article 11(1) of the Federal Constitution, but some of religious group are still not complied with the law, by constructing their houses of worships without adhering to legal standards and registration. The issue is based on their understanding that the construction of the houses of worship is included under the right to practice religion as assured by the constitution. This article aims to analyze the demands to build houses of worship according to one's religious teaching and the legal controls provided for Muslim and non-Muslim in Malaysia. The study found that houses of worship is essential to every religious group based on the needs to have a congregational place for worship. However, some religions are silent in their holy books, on the demand of constructing the house of worship. The study also found that the legal provisions and guidelines for the construction of houses of worship is mentioned in the Federal Constitution, the Islamic Religious Administration Act and Enactments, the Town and Country Planning Act 1976 and the Road, Drainage and Building Act 1974, Temple, Hindu Temple, Church, and Gurdwara Guideline, National Hindu Temple Guideline, and Islamic House of Worship Planning Guidelines. The construction of houses of worship for all religions are constitutionally assured. Furthermore, the study found that the Federal Constitution guarantees rights of financial administration of construction of houses of worship of non-Muslim in article 11(3) (c). For Islamic religion, financial security for propagation of Islamic studies including the activity of propagating and enforcing religious teaching in mosque, is clearly mentioned in Article 12(2) of the Federal Constitution of Malaysia.

Key words : religion, house of worship, Islam, non-Islam, legal guarantee

PENDAHULUAN

Rumah ibadat merupakan tempat melakukan amalan dan upacara keagamaan bagi setiap penganut agama. Pembinaan rumah ibadat dapat memenuhi tuntutan agama bagi agama yang mewajibkan rumah ibadat dibina. Ia juga merupakan simbolik bagi agama tertentu. Malaysia merupakan negara yang mempunyai kepelbagaiannya agama. Negara ini terdiri daripada penganut agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian iaitu terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Majoriti umat Islam terdiri daripada bumiputera Melayu dan selebihnya lain-lain etnik bumiputera dan bukan bumiputera. Agama Buddha dianuti majoriti kaum Cina manakala Hindu pula dianuti oleh majoriti kaum India. Segelintir kaum Cina menganuti agama Konfusianisme, Taoisme dan agama Cina tradisional lain. Kedua-dua kaum bukan bumiputera ini merupakan kaum kedua dan ketiga terbesar di Malaysia serta menganuti antara agama terbesar iaitu Buddha dan Hindu. Agama Kristian pula dianuti oleh pelbagai kaum di Malaysia kecuali Melayu.

Berdasarkan statistik yang dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga tahun 2010, peratusan bagi penduduk bumiputera ialah 67.4%, Cina 24.6%, India 7.3% dan lain-lain 0.7%. Umat Islam mendominasi populasi penganut agama iaitu sebanyak 61.3%. Penganut Buddha merupakan yang kedua tertinggi iaitu 19.8%. Seterusnya, penganut Hindu berjumlah 6.3%. Selebihnya merupakan penganut Konfusianisme, Tao dan puak/suku/folk/agama tradisi lain orang Cina sebanyak 1.3%, tidak diketahui 1.0%, tiada agama 0.7% dan lain-lain agama 0.4% (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Statistik membuktikan kepelbagaiannya agama di Malaysia yang mendorong kepada pelbagai jenis rumah ibadat dan keperluan terhadap pembinaannya. Masjid dan surau merupakan rumah ibadat bagi umat Islam, kuil bagi penganut Hindu, tokong bagi penganut Buddha dan gereja bagi penganut Kristian.

Undang-undang di Malaysia menyatakan secara khusus kawalan pembinaan rumah ibadat orang Islam, seperti yang dinyatakan dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Bidangkuasa khusus diberi kepada negeri melalui Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk mengawal hal ehwal agama Islam. Namun, Senarai II tidak menyatakan secara khusus pembinaan rumah ibadat bukan Islam. Pembinaan rumah ibadat bukan Islam termasuk kuil, tokong dan gereja, kawalan pembinaannya adalah terletak di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Ia tertakluk di bawah Senarai III Jadual Kesembilan butiran yang pertama iaitu ia dikategorikan sebagai perkhidmatan kepada masyarakat (Noradura 2006).

Oleh kerana rumah ibadat merupakan sebuah bangunan yang berbeza daripada bangunan biasa yang

mempunyai martabat sebagai tempat suci, jadi pembinaannya perlu diselia bersama peraturan dan adab-adab pembinaan berdasarkan agama masing-masing bagi menyangkal dakwaan pembinaan rumah ibadat berdasarkan kepercayaan atau mimpi adalah hak untuk mengamalkan agama dan bagi mengelak pertambahan pembinaan rumah ibadat secara haram.

Artikel ini bertujuan menganalisis tuntutan pembinaan rumah ibadat bagi agama-agama di Malaysia dan kawalan undang-undang yang disediakan bagi pembinaan rumah ibadat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisis dokumen. Dokumen yang dianalisis ialah buku atau kitab-kitab suci agama dan sumber perundungan Malaysia berkenaan hak mendirikan rumah ibadat. Kaedah deskriptif dan tematik digunakan dalam menganalisis data dengan meperluaskan kefahaman tentang sesuatu data, mendatangkan contoh atau menyokong dengan kenyataan lain. Metodologi yang digunakan menjawab persoalan kajian dan menemui hasil kajian.

TUNTUTAN PEMBINAAN RUMAH IBADAT MENURUT AGAMA ISLAM, HINDU, BUDDHA DAN KRISTIAN

1. Agama Islam

Islam dari segi bahasa bermaksud sejahtera. Manakala dari segi istilah pula bermaksud menyerahkan diri kepada Allah S.W.T. iaitu kepada agamaNya yang diutuskan Muhammad S.A.W. sebagai utusanNya. Menurut Ibn Manzur (1993), Islam dari sudut shari'ah ialah dengan menzahirkan kepatuhan, syariat dan melaksanakan apa yang disampaikan oleh Nabi S.A.W. serta ikhlas dalam semua amalan. Sheikh Abdul Aziz Ibn Baz (t.th) mentafsirkan Islam sebagai menyerahkan diri dan patuh kepada Allah dengan melakukan perintahnya dan meninggalkan larangannya. Ia juga bermaksud ikhlas mentaati dan mempersembahkan diri kepada Allah S.W.T. dengan mentauhidkan-Nya, melakukan perintah dan meninggalkan larangannya seperti menunaikan solat, zakat, puasa Ramadhan, haji, berbuat baik kepada ibu bapa dan meninggalkan maksiat. Ringkasnya, Islam merupakan sebuah agama yang mentauhidkan Allah S.W.T dengan wujudnya kepatuhan yang ikhlas kepada Allah S.W.T. dan mengakui Nabi Muhammad S.A.W. sebagai utusan bagi menyampaikan dakwah serta melakukan segala perintah dan meninggalkan laranganNya.

Bagi melaksanakan perintah yang dituntut oleh Islam dengan lebih sempurna, Islam memerlukan tempat ibadat yang khusus iaitu masjid. Beberapa ibadah dituntut agar dilaksanakan di masjid seperti solat fardhu Jumaat bagi kaum lelaki, ibadah haji dan ibadah sunat yang lain seperti solat berjemaah. Allah S.W.T. telah menyebut beberapa perkataan masjid di

dalam firman-Nya dalam Surah al-Jinn 72: 18 bermaksud:

Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah.

Dalil ini menunjukkan adanya tuntutan ibadah di masjid untuk beribadat kepada Allah S.W.T. semata-mata dan larangan penyembahan selain Allah S.W.T. di masjid. Pemilihan masjid sebagai tempat ibadat kepada Allah S.W.T. di dalam ayat menunjukkan adanya keperluan kepada pembinaan masjid bagi agama Islam.

Beberapa pembuktian daripada al-Quran menyebut tentang pengimaranan masjid dengan beribadah seperti solat. Ibn Kathir (1999). mentafsirkan ayat dibawah bahawa orang yang beriman ialah orang yang mengimarahan masjid.

Surah al-Taubah 9: 18 yang bermaksud:

Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

Perintah ibadah solat Jumaat bagi lelaki membuktikan masjid wajib didirikan bagi menyempurnakan tuntutan Islam ini.

Allah S.W.T. berfirman di dalam surah al-Jumu'ah 62: 9 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

Di dalam ayat ini, perkataan al-Jumu'ah diambil daripada perkataan al-jam'u yang bermaksud berkumpul dimana umat Islam berkumpul di tempat-tempat ibadah besar (Ibn Kathir 1999). Ibadah-ibadah yang dituntut dilaksanakan secara berjemaah menunjukkan keperluan kepada pembinaan masjid. Perkataan masjid disebut secara berulang-ulang di dalam al-Quran menunjukkan ia merupakan sebuah tempat suci dan penting untuk beribadah bagi mencapai keimanan bagi semua umat Islam.

Pada zaman Rasulullah S.A.W. dan para sahabat, masjid berperanan sebagai tempat ibadat, pusat pendidikan Islam, tempat wahyu diturunkan, pusat kegiatan kesusteraan, pusat kehakiman, baitulmal, tempat musafir bermalam, lambang persaudaraan kerana tempat berjemaah setiap hari, tempat pengisytiharan dan tempat menerima tetamu (Abdul Monir 1986). Ringkasnya apabila digabungkan, masjid merupakan pusat pentadbiran negara kerana segala aktiviti semasa zaman pemerintahan Islam dilakukan di masjid. Berbeza pada zaman kini seperti di Malaysia, masjid hanya mampu berfungsi sebagai

tempat beribadah, aktiviti keagamaan dan pusat zakat. Pengasingan badan eksekutif, legislatif dan kehakiman pada zaman ini bagi memperkemaskan sistem pentadbiran negara. Perubahan ini wajar kerana mengikut kesesuaian zaman. Walaupun begitu, masjid masih menjadi keperluan bagi menyempurnakan syiar agama Islam.

Masyarakat Islam Malaysia yang dianuti majoriti kaum Melayu muslim menjadikan rumah ibadat Islam seperti masjid dan surau wajib dibina kerana ia merupakan tuntutan dalam Islam yang mesti diberikan kepada umat Islam. Keperluan kepada masjid di Malaysia mengikut kepada bilangan penduduk di sesuatu tempat. Syarat pembinaan masjid di sebuah kariah mestilah penduduknya tidak kurang empat puluh orang lelaki dan keluarga muslim. Majlis Agama Islam Negeri memainkan peranan dalam menguruskan masjid-masjid di setiap negeri. Majlis Agama Islam Negeri menguruskan masjid dari segenap sudut bermula dari paduan pembinaan, pentadbiran dan kewangan masjid.

2. Agama Hindu

Agama Hindu ditemui asalnya 4600 tahun dahulu di Lembah Sungai Indus yang kini dikenali sebagai Pakistan dan India Barat (Rangan 2017). Sejarah kewujudannya bermula daripada kemasukan bangsa Arya ke India dan mengadakan integrasi bersama bangsa Dravida kemudiannya terbentuklah agama Hindu (Sukarji, Sjamsulhadi Marse & Ahmad Gozali 2007). Penyebaran agama pada awalnya dalam bentuk lisan yang diajar di dalam pengajian sahaja dan terus dihafaz oleh penuntut. Penggunaan penulisan dalam pengajian menunjukkan kelemahan daya mengingat. Pujian-pujian terawal yang dipelajari dikumpul dan dinamakan Veda. Setelah lama kemudian, petikan agama Hindu dikumpulkan dalam bentuk penulisan seperti Puranas, Ramayana, Mahabharata dan Bhagavad Gita (Rangan 2017). Penganut agama ini menjadikan kitab-kitab suci mereka sebagai panduan menjalani kehidupan mereka.

Agama Hindu tidak mempunyai utusan dan Nabi seperti agama-agama lain tetapi mempunyai kitab-kitab yang ditulis oleh para pendeta. Kitab-kitab utama agama Hindu antaranya kitab Veda, Upanisad, Mahabhrata dan Ramayana. Namun begitu, ia bukanlah kitab samawi tetapi kitab ini merupakan karangan nyanyian orang Brahmin yang berasal daripada bangsa Arya bertujuan memuji Tuhan mereka (Mohd. Ali 2000). Menurut Mohd Ali (2000), kitab-kitab tersebut tidak menunjukkan keperluan kepada mendirikan rumah ibadah. Penulisan di dalam kitab-kitab suci tersebut tidak menyebut perkataan kuil dan *temple* menunjukkan tiada perintah bagi pembinaan rumah ibadat. Kajian juga mendapati penganut mempercayai mimpi boleh dijadikan asas bagi membina kuil di sesuatu tempat tanpa mengira peraturan yang sedia ada. Kepercayaan ini diakui sendiri oleh agama mereka iaitu Brahmin. Oleh itu, berlaku kesukaran dalam menguruskan pembinaan

rumah ibadat kerana tiada garis panduan yang jelas daripada agama tersebut (Mohd. Ali 2000). Menurut Datuk RS Mohan Presiden Malaysia Hindu Sangam (MHS), pembinaan kuil menurut mimpi atas kepentingan individu bukanlah tradisi Hindu tetapi mestilah berteraskan disiplin agama (Nur Hasliza 2018). Walaupun begitu, pembinaannya kepada masyarakat adalah perlu tetapi tidak kepada individu. Oleh kerana tiada panduan khusus melalui agama Hindu untuk membina kuil, maka pembinaannya mestilah mengikut panduan yang telah ditetapkan undang-undang.

Keperluan kepada rumah ibadat dilihat pada amalan ibadah yang dilakukan. Agama Hindu secara tradisinya meyakini bahawa Tuhan berada di mana-mana termasuklah di dalam hati. Oleh itu, perlaksanaan ibadah boleh dilakukan walaupun tidak mempunyai rumah ibadat. Menurut Rangan (2017), ibadah tidak terbatas dengan adanya bangunan kuil sahaja. Terdapat empat tempat penyembahan bagi penganut agama Hindu. Pertama, *kuil hati dan pemikiran* iaitu tubuh badan yang sentiasa mengingati Tuhan. Kedua, kuil persendirian iaitu kuil kecil yang terdapat di kebanyakan rumah penganut Hindu. Ketiga, kuil awam yang seharusnya dibangunkan sekurang-kurangnya satu sahaja di setiap sebuah komuniti penganut Hindu. Keempat ialah tempat suci utama yang terkenal iaitu kuil besar tempat semua penganut Hindu melakukan ibadah ziarah. Di Malaysia, agama Hindu dianuti secara majoritinya oleh kaum India. Walaupun tiada perintah wajib secara bertulis bagi pembinaan kuil, ia merupakan keperluan kepada masyarakat. Kuil atau rumah ibadat merupakan syi'ar kepada agama Hindu walaupun mereka mengakui mengimani agama boleh tanpa kuil serta tidak terbatas di rumah ibadat sahaja. Dari sudut amalan agama, penganut Hindu memerlukan kepada kuil apabila melakukan ibadah sembahyang formal di kuil (Mohd Rosmizi et al. 2011). Ibadah lain merupakan penyembahan secara individu dan sembahyang beramai-ramai dari rumah ke rumah. Agama ini tidak menetapkan bilangan penganut bagi mendirikan sebuah kuil. Oleh itu, pembinaannya perlu mengikut undang-undang sedia ada.

3. Buddha

Buddha merupakan sebuah agama dan falsafah yang diasaskan oleh Siddharta Gautama yang berasal dari timur laut India (Cheu Hock Tong 2000). Asal agama Buddha ditemui pada abad keenam kemudiannya tersebar ke kebanyakkan negara di benua Asia dan juga ke Barat. Agama Buddha mengajar individu mencapai nirvana dengan mengikuti jalan Buddha (Agarwal 2015). Ia terbahagi kepada dua aliran iaitu Hinayana dan Mahayana (Teoh Eng Soon 1963). Agama ini bertujuan membebaskan manusia daripada penderitaan dunia disebabkan oleh hawa nafsu. Penderitaan ini dihilangkan dengan mengikuti kepercayaan yang dibawa oleh sang Buddha Gautama. Lima keyakinan yang wajib ada bagi setiap penganut Buddha ialah mempercayai kewujudan sang Hyang

Adi Buddha (Tuhan yang Maha Esa), mempercayai kewujudan Buddhisatwa (berdiam diri di syurga Tusita sebelum lahir ke dunia sebagai seorang Buddha yang mencapai kesempurnaan atau Boddhi), mempercayai hukum kesunyataan iaitu hukum yang ditetapkan oleh alam seperti hukum karma, mempercayai kitab suci dan mempercayai nirwana atau kebahagiaan abadi (Sukardji, Sjamsulhadi Marse & Ahmad Gozali 2007).

Terdapat tuntutan pembinaan tokong yang disebut di dalam kitab suci agama Buddha iaitu di dalam kitab Sutra, bab The Brahma Net Sutra bahagian kedua bernombor 39 dibawah tajuk Failure to Cultivate Merits and Wisdom (BuddhaSutra.com):

A disciple of the Buddha should constantly counsel and teach all people to establish monasteries, temples, and pagodas in mountains and forests, gardens and fields. He should also construct stupas for the Buddhas and buildings for winter and summer retreats. All facilities required for the practice of the Dharma should be established.

Petikan diatas menjelaskan bahawa seorang pengikut Buddha mestilah selalu menasihati dan mengajar semua orang supaya menu buhkan biara-biara, kuil-kuil, dan tokong-tokong di gunung-gunung dan hutan, taman-taman dan padang-padang. Pengikut juga mesti membina stupa atau tempat menyimpan abu Buddha dan bangunan bagi musim sejuk dan panas. Begitu juga fasiliti mesti dibina bagi melakukan amalan Dharma iaitu pengajaran Buddha.

Beberapa perkataan *temple* seterusnya disebut pada bahagian-bahagian lain di dalam kitab Sutra antaranya pada bahagian This Precept is Divided into Two Parts bernombor 94 (BuddhaSutra.com):

"When the precept tells people to establish monasteries and temples, it is so they can cultivate blessings; when it tells people to explain the Great Vehicle Sutras, it is so they can cultivate wisdom."

Petikan ini daripada Master Hui Seng yang bermaksud apabila peraturan menetapkan penganut untuk menu buhkan biara-biara dan tokong-tokong, dengan itu mereka akan memperolehi rahmat, apabila ia menyeru manusia untuk menerangkan tentang The Great Vehicle Sutras mereka akan memperolehi kebijaksanaan.

Selain daripada tuntutan yang jelas dan bertulis, perkataan-perkataan *temple* yang ditulis di dalam kitab suci agama Buddha menunjukkan ada keperluan kepada pembinaan rumah ibadat. Selain itu, pembinaan rumah ibadat kepada masyarakat adalah perlu kerana aktiviti yang selalu dilakukan di rumah ibadat ialah pembelajaran kitab suci, berkutbah dan meditasi (Mohd Rosmizi et al. 2011). Ini menunjukkan tempat ibadat adalah penting bagi melakukan aktiviti keagamaan mereka.

4. Kristian

Agama Kristian merupakan sebuah agama yang bersifat universal menjadikan ia sebuah agama yang mempunyai penganut paling ramai di dunia. Sehingga hari ini, agama Kristian merupakan agama terbesar di

dunia yang mempunyai lebih daripada 2.2 bilion pengikut (Aaron 2007). Di Malaysia pula, ia merupakan agama minoriti yang dianuti semua bangsa kecuali Melayu. Ia merupakan agama yang diberikan kebebasan mengamalkan agama dan membina rumah ibadat.

Agama Kristian bertunjangkkan keimanan kepada doktrin Triniti iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus. Agama ini mempunyai tiga aliran iaitu Roman Katolik, Ortodoks dan Protestan. Setiap aliran mempunyai upacara suci yang berbeza. Di Malaysia, denominasi Roman Katolik merupakan aliran terbesar dan tertua serta mempunyai bilangan gereja terbersar (Hunt R., Lee Kam Hing & Roxborogh J. 1992). Aliran Roman Katolik dan Ortodoks mempunyai tujuh sakramen atau upacara suci iaitu upacara pembaptisan, pengukuhan, jamuan suci, pengampunan, perkahwinan, pelantikan paderi dan penghapusan dosa bagi menyembuhkan penyakit. Aliran Protestan pula hanya mempunyai dua sakremen iaitu pembaptisan dan jamuan suci (Aaron 2007). Kesemua amalan ini perlu dilakukan di gereja maka ia merupakan keperluan bagi penganut agama Kristian untuk memiliki rumah ibadat mereka sendiri.

Penganut Kristian dituntut membina gereja berdasarkan upacara yang dituntut dalam agama mereka. Perkataan gereja disebut di dalam kitab suci Bible menunjukkan ia merupakan binaan penting kepada agama mereka.

Contohnya dalam Corinthians 12:28 (biblegateway.com, edisi Roman Katolik):

And God has placed in the church first of all apostles, second prophets, third teachers, then miracles, then gifts of healing, of helping, of guidance, and of different kinds of tongues.

Dari ayat ini membawa maksud Tuhan telah menempatkan para rasul, nabi, guru-guru, mukjizat, anugerah pengampunan, pertolongan, petunjuk dan anugerah atas perbezaan lidah (bahasa dan bangsa) di dalam gereja.

Seterusnya dalam Matthew 16:18 (biblegateway.com, edisi Roman Katolik):

And I tell you that you are Peter, and on this rock I will build my church, and the gates of Hades will not overcome it.

Contoh lain di dalam Matthew 18: 17 (biblegateway.com, edisi Roman Katolik):

If they still refuse to listen, tell it to the church; and if they refuse to listen even to the church, treat them as you would a pagan or a tax collector.

Perkataan gereja sering disebut di dalam kitab injil menunjukkan ia bukanlah sebuah tempat yang asing bagi agama ini. Ia merupakan tempat suci bagi agama ini dan ibadah-ibadah khusus banyak dilakukan di gereja secara beramai-ramai atau individu.

Jadual Error! No text of specified style in document..1: Perbandingan tuntutan pembinaan rumah ibadat munurut agama masing-masing

| Butiran | Agama | | | |
|---|--|--|---|--|
| | Islam | Hindu | Buddha | Kristian |
| Penganut | Muslim | Hindu | Buddhist | Kristian |
| Kaum di Malaysia | Majoriti dianuti oleh Melayu. Semua kaum dibenarkan kan memeluk Islam | Majoriti dianuti oleh kaum India. | Majoriti dianuti oleh kaum Cina. | Dianuti oleh pelbagai kaum kecuali Melayu. |
| Kitab | Al-Quran | Veda, Upanisad, Mahabhrata dan Ramayana | Tripitaka dan Sang Hyang Kamahayikan | Injil |
| Rumah Ibadat | Masjid | Kuil | Tokong | Gereja |
| Tuntutan pembinaan rumah ibadat dalam agama | Tertulis di dalam al-Quran antaran ya dalam ayat 18 surah al-Jinn | Tidak tertulis dalam mananya kitab. Pembinaan perlu kepada masyarakat tetapi tidak kepada kepentingan individu | Tidak tertulis dalam mananya kitab tetapi pembinaannya kepada masyarakat adalah perlu. | Banyak penggunaan perkataan gereja di dalam kitab injil antaranya , Corinthians 12:28 |
| Syarat pembinaan rumah ibadat dalam agama | Pembinaan masjid dihukumkan sebagai fardhu kifayah jika umat Islam disesuaikan dengan kariah mencukupi 40 orang jemaah untuk menunaikan solat fardhu | Tiada had bilangan penganut di sesuatu tempat menurut agama ini. Tiada perintah wajib pembinaan, tetapi terdapat upacara sembahyang yang formal. | Tiada had bilangan penganut di sesuatu tempat menurut agama ini. Tiada perintah wajib pembinaan, tetapi terdapat upacara bagi penganut. | Perlu kepada pembinaan kerana terdapat upacara wajib setiap minggu dan upacara yang melibatkan kumpulan penganut |

| | | | | |
|---|--|----------------------------|--|--|
| | Jumaat | | | |
| Ibadah yang memerlukan kepada rumah ibadat | Solat berjemaah. Solat fardhu jumaat. | Sembahyang formal di kuil. | Membaca kitab suci (belajar). Berkhutbah ah (mengajari). Meditasi. | Pembaptisan, sembahyang diwajibkan setiap Ahad, pengukuhan, jamuan suci, pengampunan, matrimony, pelantikan paderi, penyembuhan penyakit |

Sumber: Pengkaji 2020

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

- Keperluan Pembinaan Rumah Ibadah untuk Agama Islam, Hindu, Buddha dan Kristian Bagi Melakukan Aktiviti Keagamaan Masing-Masing

Analisis yang dibuat mendapati hanya tiga agama yang menyatakan tentang keperluan mendirikan rumah ibadah secara bertulis dan jelas iaitu agama Islam, Buddha dan Kristian. Penggunaan perkataan masjid, tokong dan gereja didapati tertulis pada kebanyakan bahagian dalam kitab suci mereka. Berbeza dengan agama Hindu tidak menyatakan secara khusus perkataan kuil bagi menyokong dengan lebih kuat lagi keperluan pembinaan rumah ibadat beserta adab-adab yang ditetapkan oleh agama mereka.

Namun begitu, ketiadaan tuntutan secara jelas dan bertulis daripada agama tersebut tidak bermaksud pembinaan rumah ibadat tidak wajar didirikan. Ia sangatlah bertentangan dengan undang-undang yang telah memberikan hak bagi mendirikan institusi keagamaan masing-masing dan juga boleh menyebabkan ketidakharmonian antara masyarakat yang berbilang agama jika hak mereka dihalang. Perkara yang penting adalah penganut mestilah mematuhi peraturan yang sedia ada walaupun menurut agama mereka tindakan yang dilakukan tidak menjadi kesalahan pelanggaran terhadap undang-undang sedia ada, ketiadaan undang-undang khusus bagi agama bukan Islam dan tiada rujukan yang jelas daripada agama mereka sendiri berkenaan pembinaan

rumah ibadat menyebabkan isu pembinaan tidak terkawal.

Secara keseluruhannya, setiap agama memerlukan kepada rumah ibadat atas dasar keperluannya secara umum kepada masyarakat. Penganut-penganut mempunyai ibadah-ibadah khusus yang perlu dilakukan secara berjemaah di rumah ibadat. Masjid dibina bertujuan untuk melakukan ibadah solat berjemaah dan fardhu jumaat. Pembinaan masjid dihukumkan sebagai fardhu kifayah jika umat Islam di sebuah kariah mencukupi 40 orang jemaah untuk menunaikan solat fardhu Jumaat. Bagi kuil pula, pembinaannya perlu kepada masyarakat tetapi tidak bagi kepentingan individu. Mereka mempunyai upacara sembahyang formal. Tiada had bilangan penganut di sesuatu tempat bagi membina kuil. Kegunaan tokong pula bertujuan melakukan aktiviti seperti membaca kitab suci (belajar), berkhutbah (mengajar) dan bermeditasi. Bagi agama Kristian, penganut diwajibkan sembahyang di gereja pada setiap hari Ahad. Ibadah-ibadah lain pula ialah pembaptisan, pengukuhan, jamuan suci, pengampunan, matrimoni, pelantikan paderi dan penyembuhan penyakit.

2. Peruntukan dan Sekatan Perundangan Pembinaan Rumah Ibadat bukan Islam

Hak mendirikan rumah ibadat merupakan salah satu hak dalam mengamalkan agama. Telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa walaupun agama Islam memperoleh kedudukan istimewa tetapi tidak menghalang agama lain untuk bebas diamalkan di mana-mana bahagian persekutuan. Seterusnya, hak beragama bagi penganut dikhaskan dengan lebih jelas meliputi hak menganuti, mengamalkan dan menyebarkan melalui Perkara 11(1). Hak pembinaan rumah ibadat yang mana merupakan salah satu cabang hak mengamalkan ajaran agama diperjelaskan pada Perkara 11(3) dengan membenarkan kumpulan agama menubuhkan institusi agama mereka. Ia juga meliputi kebenaran menguruskan kewangan institusi agama sendiri serta pengecualian cukai. Di samping itu, hak berkenaan rumah ibadat ini boleh disekat jika ia bertentangan dengan perkara yang dinyatakan dalam Perkara 11(5).

Seterusnya, peruntukan dan sekatan termaktub dalam akta-akta negeri. Prosedur pembinaan rumah ibadat dimulai dengan permohonan kebenaran bertulis daripada jawatan kuasa perancangan negeri seperti yang dinyatakan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1760. Pihak berkuasa boleh mengenakan sekatan jika kumpulan agama melakukan kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dengan kesalahan tidak mendapatkan kebenaran bertulis membina rumah ibadat daripada pihak berkuasa tempatan.

Bagi memastikan pembinaan dan penyelenggaraan rumah ibadat terurus, mana-mana pihak bertanggungjawab boleh menyediakan garis panduan seperti seperti Garis Panduan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara dan Garis Panduan Kuil Hindu

Kebangsaan walaupun setiap kumpulan agama tidak terikat terhadap peraturan ini disisi undang-undang.

a. Perlembagaan Persekutuan

Termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa walaupun agama Islam memperoleh kedudukan istimewa tetapi tidak menghalang agama lain untuk bebas diamalkan di mana-mana bahagian persekutuan.

Perkara 3 menyatakan:

Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

Bagi merealisasikan hal mengamalkan agama, kebebasan perlu diberi kepada pengikut untuk mengamalkan dogma-dogma dan ritual agama yang dianuti. Jika sesebuah agama mempunyai sistem undang-undang sendiri, maka undang-undang tersebut mestilah dilaksanakan mengikut tuntutan agama mereka seligamia ia tidak bertentangan dengan undang-undang am berhubung ketenteraman awam, kesihatan awam dan prinsip moral (Shamrahayu 2011). Begitu juga bagi pembinaan rumah ibadat, jika ia menjadi tuntutan sesebuah agama, maka ia hendaklah dibenarkan pembinaannya seligamia tidak bertentangan dengan undang-undang am berhubung ketenteraman awam, kesihatan awam dan prinsip moral.

Membina rumah ibadat merupakan hak mengamalkan agama yang diiktiraf. Perlembagaan Persekutuan memperuntukan hak mendirikan rumah ibadat melalui Perkara 11 iaitu kebebasan beragama. Hak mendirikan rumah ibadat merupakan hak kumpulan agama. Ia juga merangkumi hak untuk menguruskan hal ehwal agama, menubuhkan yayasan agama, memperoleh, mempunyai, memegang dan mentadbir harta (Shamrahayu 2011)

Perkara 11 (1) memperuntukan:

Tiap-tiap orang berhak menganuti, mengamalkan agamanya ...

Perkara 11(3)(a) dan (b) memberarkan semua pengikut agama menubuhkan institusi keagamaan sendiri seperti rumah ibadat.

Perkara 11(3) menyatakan:

- (a) Tiap-tiap kumpulan agama berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri
- (b) menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau khairat.

Hak yang diberi bagi mendirikan rumah ibadat perlu dikawal melalui sekatan undang-undang. Perkara 11(5) Perlembagaan Persekutuan menyekat apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang am iaitu undang-undang yang tidak terikat dengan kebebasan beragama seperti mengganggu ketenteraman awam, menjelaskan kesihatan dan meruntuhkan moral atau akhlak.

Perkara 11(5) memperuntukkan:

Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan

ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral.

Membina rumah ibadat merupakan hak mengamalkan yang diberikan kepada semua pengikut. Oleh itu, akta dan peraturan yang digubal merupakan langkah dalam mengawal kesalahan berhubung pembinaan rumah ibadat.

b. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Bagi mengawal pembinaan rumah ibadat bukan Islam, pemohon perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada jawatan kuasa perancangan negeri. Perkara ini termaktub di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1760.

Seksyen 3 menyatakan dasar perancangan am:

Tertakluk kepada Fasal (5) dan (6) Perkara 91 Perlembagaan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah bertanggungjawab bagi dasar am berkenaan dengan perancangan pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasan tiap-tiap pihak berkuasa tempatan di dalam Negeri; dan Pihak Berkuasa Negeri boleh, pada atau bagi maksud menunaikan tanggungjawabnya di bawah seksyen ini, dari semasa ke semasa memberikan arahan secara am kepada Jawatankuasa atau mana-mana pihak berkuasa perancang tempatan yang selaras dengan peruntukan Akta ini, dan Jawatankuasa atau pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menguatkuasakan arahan itu.

c. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974

Bagi kesalahan membina bangunan tanpa kebenaran bertulis PBT, pesalah didakwa dibawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Sekyen 70(1) merujuk kepada semua jenis binaan termasuklah rumah ibadat iaitu:

Tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

Kenyataan Hakim Mahkamah Tinggi Alor Setar dalam kes *Muniandy[2003] 6 MLJ 177* menegaskan betapa pentingnya melakukan sesuatu perkara mengikut ketetapan undang-undang. Sebelum menuntut sesuatu hak dihalang, wajar disemak dengan teliti kewujudan peruntukan yang diberi. Tafsiran berkenaan peruntukan undang-undang juga perlu difahami dengan jelas.

Yang Arif Hakim Zainal Adzam (2003) berkata:

On this matter, let me make it absolutely clear that this case has nothing to do with infringement of the plaintiffs' right enshrined in art 11. That right as provided in cl (3)(a)(b) and (c) 'in accordance with law'. There are countless houses of worship in this country existing peacefully without any unnecessary interference. That is because they conducted themselves within the law. The plaintiffs, like everyone else, are duty bound to obey and respect the law.

Plaintif memperolehi hak seperti yang termaktub pada klaus 3(a),(b) dan (c) mengikut ketetapan undang-undang. Rumah-rumah ibadat yang dibenarkan untuk dibina dalam keadaan aman tanpa

campurtangan pihak berkuasa kerana mereka mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Begitu juga bagi kes *Pedik Busu [2010] 5 MLJ 849*, pihak plaintif tidak mengemukakan permohonan kepada pihak defendant kerana kawasan harta tanah tersebut telah diwartakan dan ditetapkan di bawah penyeliaan Majlis Daerah Gua Musang. Pihak defendant mempunyai kuasa merobohkan sesuatu bangunan yang dibina dalam bidang kuasanya kerana bangunan tersebut tidak mematuhi keperluan yang ditetapkan undang-undang. Tiada isu hak mengamal Plaintiff disekat kerana hak ini jelas termaktub di dalam Perlumbagaan Persekutuan.

Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Yang Arif Mohd Azman Husin (2010) memutuskan:

Mereka berhak mengamalkan agama pilihan mereka. Mereka juga boleh membina rumah ibadat mereka walau pun ia bukan hak adat dan budaya mereka, namun ia hendaklah mematuhi kehendak undang-undang khusus Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 memandangkan kawasan tanah mereka itu telah diwartakan oleh Kn PU 956 dan ditetapkan di bawah penyeliaan Majlis Daerah Gua Musang. Permohonan membina bangunan rumah ibadat itu hendaklah dikemukakan kepada defendant pertama. Oleh kerana Akta tersebut tidak dipatuhi, pembinaan rumah ibadat itu adalah tidak sah.

d. Garis Panduan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara

Seterusnya, terdapat garis panduan pembinaan rumah ibadat walaupun ia merupakan peraturan yang tidak mengikat penganut-penganut agama terhadap kesalahan yang melanggari panduan ini. Garis panduan pembinaan rumah ibadat bertujuan untuk mengawal selia rumah-rumah ibadat. Contoh garis panduan sedia ada seperti Garis Panduan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara. Garis panduan ini meletakkan prinsip sebelum membina rumah ibadat bukan Islam antaranya memenuhi keperluan spiritual komuniti setempat, menggalakkan pengajian dan pengetahuan keagamaan, menyemai perpaduan, mengutamakan keselamatan dan keharmonian serta memelihara warisan. Rumah ibadat bukan Islam menjadi keperluan atas dasar prinsip-prinsip ini. Pembinaan rumah ibadat perlu mematuhi garis panduan umum yang meliputi aspek fungsi, perancangan tapak, reka bentuk, kawasan ketinggian, lalu lintas, pendekatan dan keluasan pembangunan serta kawalan jarak dan lokasi.

Yang pertama, fungsi rumah ibadat bagi memenuhi keperluan spiritual komuniti dan pusat pengajian. Oleh itu, jika ia tidak menepati fungsi ini seperti pembinaan bagi kepentingan individu bukan di tanah hak milik persendirian maka dilarang membina rumah ibadat.

Yang kedua, dari segi perancangan tapak, digalakkan di kawasan kediaman penganut sesuatu agama, berdekatan kemudahan awam dan kawasan yang tenteram. Pembinaan di kawasan bukit perlu merujuk Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi. Kawasan larangan

adalah kawasan rezab hutan, sungai, utiliti, kawasan logi kumbahan dan pencawang TNB.

Ketiga, adalah aspek reka bentuk. Ia mestilah berkonsepkan integrasi dan dibangunkan secara *free standing*. Rumah ibadat dilarang didirikan di premis kedai kecuali jika tiada kawasan sesuai, faktor keselamatan dan bantahan penghuni sekitar. Reka bentuk dibenarkan mengikut identiti agama masing-masing dengan memelihara sejarah dan warisan.

Yang keempat ialah kawalan ketinggian iaitu perlu disesuaikan dengan ketinggian pembangunan sekitar dan keperluan komuniti setempat. Jika berada di kawasan orang Islam, rumah ibadat selain Islam mestilah lebih rendah daripada ketinggian bangunan, kubah dan menara masjid sekitar. Ketinggian perlu diambil kira keseragaman persekitaran agar tampak lebih harmoni.

Yang kelima ialah memastikan kawalan lalu lintas terjamin. Kawasan rumah ibadat perlu mempunyai tempat letak kenderaan yang mencukupi termasuklah bagi OKU, jarak bangunan 15 meter dari rezab jalan, 500 meter dari jalan utama, dan mempunyai laluan pejalan kaki dan basikal.

Seterusnya ialah pendekatan dan keluasan pembangunan. Rumah ibadat di kawasan bandar dibenarkan dibina jika terdapat 2300 penganut agama tertentu di sesebuah kawasan. Bagi kawasan luar bandar 1000 penganut agama tertentu di kawasan tersebut. Sekiranya kawasan tidak mencapai kadar yang ditetapkan, ia boleh dibina dalam keluasan tidak kurang daripada 0.25 hektar.

Akhir sekali, kawalan jarak iaitu jarak rumah ibadat sekurangnya 100 meter daripada kediaman majoriti penganut agama lain. Jarak mestilah sekurang-kurangnya 300 meter daripada tempat ibadat penganut agama lain.

e. Garis Panduan Kuil Hindu Kebangsaan

Pada tahun 2017, Garis Panduan Kuil Hindu Kebangsaan diterbitkan oleh MHS bertujuan menjadi rujukan utama mengenai segala hal berkaitan kuil di Malaysia serta menyelaraskan aktiviti dan tradisi kuil-kuil Hindu mengikut kitab-kitab agama (Ranee Narendranath 2017).

Bahagian A membincangkan Struktur Kuil dan Arca. Sebelum dibincangkan mengikut ajaran dalam kitab agama, beberapa pra-syarat diletakkan untuk mendirikan kuil baru. Syarat yang ditetapkan ialah kawasan cadangan mestilah mempunyai populasi penganut Hindu yang mencukupi, kuil mesti dibina di atas tanah milik sendiri kuil atau Jawatankuasa Pengurusan Kuil (JPK), dilarang mebina kuil di atas tanah yang dipajak, disewa, tanah rizab, dan tanah pemilik orang tanpa kebenaran, mendapatkan nasihat daripada bagi memastikan tanah sesuai untuk mendirikan kuil memastikan segala urusan pindahmilik selesai sebelum mulakan kerja-kerja pembinaan, mendapat kelulusan pembinaan daripada pihak kerajaan, pihak pengurusan kuil mempunyai kemampuan untuk menjalankan upacara ritual harian wajib dan pihak JPK perlu merujuk kepada MHS

sebelum memulakan kerjakerja pembinaan selepas upacara perasmian.

Seterusnya, kuil dilarang dibina di kawasan-kawasan seperti tanah pihak ketiga tanpa kebenaran, dalam perkara rumah, tanah TNB, Indah Waters atau kawasan menara telekomunikasi, tanah rizab atau hutan simpanan, tempat pembuangan sampah, sisa dan kumbahan, berdekatan longkang, kawasan yang tercemar, kawasan di mana kegiatan haram dilakukan, kawasan pembakaran mayat atau kubur. Kuil baru diutamakan pembinaannya untuk Ganapati, Murugan, Sakti, Siva, dan Visnu, dalam aspek-aspek Saumya, Bhoga, dan Yoga. Beberapa kuil perlu dielakkan berhampiran kawasan penempatan atau kawasan komersial kerana ditegah oleh agama seperti kuil Ugra Murti, Parivara Devata dan Grama Devata (dewa-dewi kampung) seperti Hanuman, Madurai Veeran, Aiyalar, Muniswaran, Muniandy, Sangilikaruppan, Karuppanasamy, Katteri, Periyachi Amman, dan Vellai Amman (Ranee Narendranath 2017).

Penempatan semula kuil hindu perlu mengikuti beberapa prosedur. Pemindahan memerlukan alasan-alasan yang kukuh seperti kuil berada di atas tanah yang bukan milikan sah kuil atau JPK, kuil berada di atas tanah pihak ketiga secara tidak sah atau tanpa kebenaran dan kuil berada di atas tanah yang tidak sesuai untuk mendirikan kuil. Prosedurnya ialah dengan mendapatkan sebuah kuil yang siap dibina di tempat baru, tarikh dan masa yang sesuai untuk upacara pemindahan arca harus ditetapkan mengikut astrologi, proses pemindahan mesti diawasi oleh seorang Sthapati, Gurukal utama kuil, seorang ahli JPK, dan sekiranya perlu, seorang wakil MHS (Ranee Narendranath 2017).

Pembinaan kuil perlu diurus oleh JPK. Antara tugas penting JPK berkenaan pendaftaran dan keperluan undang-undang ialah wajib mendaftarkan kuil dengan MHS, Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau Badan Pemegang Amanah. JPK hendaklah memastikan bahawa tanah dan harta tidak alih untuk sesebuah kuil didaftarkan atau diwartakan dengan pihak pejabat tanah atau kerajaan tempatan di atas nama kuil serta menguruskan semua dokumentasi seperti dokumen hakmilik tanah, geran, pelan bangunan, perjanjian, lesen atau permit berkenaan kuil dan premis. Seterusnya, menamakan dan mendaftarkan kuil atas nama Mula Mūrti (arca utama) di sesebuah Kuil diikuti dengan nama bandar atau daerah (Ranee Narendranath 2017).

3. Jaminan Perlembagaan Persekutuan dalam Pengurusan Kewangan Rumah Ibadat Bukan Islam

Dari sudut pengurusan kewangan, Perlembagaan Persekutuan membenarkan institusi agama menerima, memiliki dan menguruskannya dengan sendiri mengikut undang-undang.

Perkara 11(3)(c) menyatakan:

Setiap kumpulan agama berhak memperoleh dan mempunyai harta dan memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

Sehingga kini pengikut bukan Islam memperoleh dana melalui permohonan kepada PBT setiap negeri. Kerajaan negeri melalui belanjawan negeri akan mengagihkan bantuan mengikut keperluan. Dana diberikan kepada rumah ibadat berdaftar sahaja. Contohnya, kerajaan negeri Selangor pernah memperuntukan RM6 juta kepada rumah ibadat seperti tokong, kuil, gereja dan gudwara. Ia bergantung kepada keperluan pengikut agama seperti peningkatan pengikut, keperluan kepada tanah dan prasarana rumah ibadat (Zareef Muzammil 2019). Dana kewangan bagi penyelenggaraan dan pembinaan rumah ibadat bukan Islam melalui kerajaan negeri, kewangan yang dijana sendiri dan sumbangan institusi luar menjamin penyelenggaraan rumah ibadat berterusan.

Perkara 11 (2) merupakan pengecualian terhadap cukai jika melakukan apa-apa aktiviti yang menjana pendapatan bagi menggerakkan institusi agama.

Perkara 11 (2) menyatakan:

Tiada seorang pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diuntukkan khas kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama selain agamanya sendiri

4. Peruntukan Perundangan Pembinaan Rumah Ibadat Islam

Rumah ibadat umat Islam merujuk kepada masjid dan tempat ibadat awam seperti surau. Peruntukan berkaitan termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, akta-akta, enakmen-enakmen dan garis panduan. Peruntukan ini meliputi bidangkuasa seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan. Prosedur memulakan pembinaan masjid dan pengurusan termaktub di dalam akta dan enakmen negeri-negeri seperti Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Garis panduan merupakan peraturan yang tidak mengikat umat Islam di sisi undang-undang lebih menjurus kepada panduan pembinaan struktur fizikal tempat ibadat Islam agar terpelihara binaan yang merupakan syi'ar umat Islam.

a. Perlembagaan Persekutuan

Pembinaan rumah ibadah untuk orang-orang Islam tidak menjadi pertikaian. Bidangkuasa diberikan menerusi Jadual ke Sembilan Senarai Kedua kepada negeri-negeri bagi menguruskan segala hal ehwal pembinaan masjid.

Senarai II Senarai Negeri bahagian 1 menyatakan:

Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahteraan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan

khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

Selain masjid, surau juga salah satu tempat ibadat Islam yang perlu diuruskan di bawah bidangkuasa negeri sebagaimana yang dinyatakan; "...masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam...". Tempat sembahyang awam merujuk kepada surau-surau atau tempat solat khas umat Islam.

ii. Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri

Ia dikawal selia oleh Majlis Agama Islam setiap negeri dan kesalahannya didakwa di bawah Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam setiap negeri.

Sebagai contoh, pengurusan masjid diperuntukkan pada Bahagian enam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 antara Seksyen 72 hingga 83. Permulaan prosedur adalah dengan mendapatkan kebenaran bertulis daripada Majlis. Majlis Agama Islam merupakan pemegang amanah kepada masjid dan tanah. Tapak pembinaan masjid mestilah telah diwakafkan kekal dan pembinaannya mendapat kebenaran Majlis. Selepas pembinaan ia mestilah diselenggara bagi memastikan keadaan masjid dalam keadaan baik dan bersih. Undang-undang yang diperuntukkan bagi pengurusan masjid dapat mengawal kesalahan berhubung pembinaan masjid yang tidak mengikut panduan yang ditetapkan.

iii. Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Islam

Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Islam (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 1999) membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju merancang dan menyediakan syarat-syarat Piawaian Perancangan Tempat Ibadat Islam. Pada awalnya, ia menjelaskan peranan masjid seperti sebagai pusat ibadat, pendidikan dan syura sebagai bukti tuntutan kepada pembinaan masjid. Seterusnya, pembinaan masjid perlu mengikuti heirarki petempatan seperti masjid negara bagi peringkat negara, masjid negeri bagi

peringkat negeri, masjid daerah bagi peringkat daerah, masjid di kawasan mukim, bandar dan kampung. Hierarki ini yang menentukan keperluan kepada pembinaan masjid setempat. Sebuah masjid perlu didirikan jika mempunyai nisbah kepadatan sekurang-kurangnya setiap 41-100 keluarga muslim. Dari segi reka bentuk pula ia mestilah disesuaikan dengan lima rukun Islam, selamat dan mempunyai kemudahan yang mencukupi.

iv. Jaminan dari Aspek Bantuan Kewangan bagi Pengembangan Agama Islam Menerusi Institusi Pendidikan

Berbeza dengan dana bagi pengembangan institusi bukan Islam, peruntukan kewangan bagi membantu pengembangan Islam dijamin Perlembagaan Persekutuan. Disamping itu, umat Islam juga boleh menjana dana dengan sendiri bagi menjamin pengembangan agama Islam dan institusi. Jaminan sumber dana menjadikan keperluan kepada agama Islam mencukupi dan pengurusan menjadi lebih terkawal. Perkara 12(2) memberi kelebihan kepada agama Islam kerana membenarkan kerajaan memperuntukkan dana bagi pendidikan Islam (Shamrahyu 2019).

Perkara 12(2) menjelaskan:

...sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.

Peruntukan melalui belanjawan negara disalurkan terus kepada Jabatan Kemajuan Agama Islam dan Majlis Agama Islam negeri-negeri bagi menguruskan hal ehwal agama Islam. Bagi sektor pendidikan, jika aktiviti pendidikan yang bertujuan mengembangkan agama Islam ini dilaksanakan di masjid, Perkara 12(2) ini termasuk antara jaminan kewangan. Dana ini bagi menjamin syiar agama Islam sentiasa ditegakkan dan mematuhi perlumbaan yang memberikan kedudukan kepada agama Islam.

KESIMPULAN

Rumah ibadat menjadi keperluan kepada seluruh penganut agama di Malaysia. Ia perlu diurus bersama kawalan undang-undang agar masyarakat sentiasa hidup dalam keadaan harmoni tanpa mengganggu sensitiviti keagamaan masing-masing. Setelah hak untuk beragama diberikan secara adil bagi kesemua penganut, sewajarnya undang-undang yang dikenakan mestilah dikuatkuasakan secara saksama juga bagi kesemua agama.

Setelah diteliti keperluan pembinaan rumah ibadat bagi empat agama utama di Malaysia dan sumber perundungan sedia ada, beberapa penemuan penting didapati. Setiap agama menuntut agar rumah ibadat didirikan dengan adanya amalan-amalan agama yang perlu ditunaikan di rumah ibadat. Tuntutan secara

jelas dan bertulis bagi beberapa agama menguatkan lagi hujah bahawa hak mereka tidak boleh dipertikaikan. Kesemua agama tidak menetapkan secara khusus panduan secara bertulis didalam kitab-kitab suci mereka. Namun, ia menjadi tanggungjawab badan keagamaan masing-masing dalam mengatur panduan berdasarkan ajaran agama mereka. Hal ini kerana punca kuasa bagi pembinaan rumah ibadat bukan Islam juga diberikan menerusi Perlembagaan Persekutuan. Pertikaian pembinaan rumah ibadat Islam tidak berlaku kerana pembinaannya dijamin Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang khusus telah digubal.

Hasil kajian mencadangkan beberapa penyelesaian pertikaian yang sering berlaku ketika pembinaan rumah ibadat baharu dilakukan. Yang pertama, pihak-pihak badan keagamaan masing-masing yang perlu menerangkan tentang adab-adab dan amalan terbaik yang telah ditetapkan di dalam ajaran agama masing-masing berkenaan pembinaan rumah ibadat. Beberapa badan keagamaan yang wujud di Malaysia seperti Malaysia Hindu Sangam, Theravada Buddhist Council of Malaysia and Christian Federation of Malaysia. Hal ini kerana badan keagamaan dan penganut sendiri yang lebih mengetahui ketetapan agama mereka. Mustahil bagi setiap agama menyokong jika perbuatan yang dilakukan dapat menimbulkan pertikaian dan memburukan imej bagi agama tertentu. Sudah pasti ada ketetapan daripada ajaran agama masing-masing yang melengkapi setiap aspek dan menjamin keharmonian.

Yang kedua, peruntukan khusus pembinaan rumah ibadat bukan Islam perlu diwujudkan. Terdapat peruntukan khusus bagi agama Islam, maka pembinaan rumah ibadat agama-agama lain juga perlu dikawal dan dikenakan tindakan jika melakukan kesalahan sama seperti agama Islam. Ia bertujuan pengurusan pembinaan rumah ibadat lebih teratur dan menjamin ketenteraman masyarakat. Peraturan pembinaan masjid diletakkan dibawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri manakala kesalahan tidak berdaftar rumah ibadat terletak di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974. Akta ini mengklasifikasikan semua jenis bangunan secara umum. Sepatutnya, rumah-rumah ibadat diberikan peruntukan khas kerana ia tidak sama seperti bangunan biasa. Rumah-rumah ibadat mempunyai struktur yang unik, nilai warisan dan sejarah serta adab-adab diutamakan bagi setiap aspek pengurusannya.

Hasil kajian dan cadangan memberikan implikasi dari sudut positif dan negatif. Implikasi positif ialah pengurusan rumah-rumah ibadah akan menjadi teratur kerana dapat dikawal bersama undang-undang. Peraturan yang rapi dapat menjamin keselamatan dan keharmonian dalam mengamalkan ajaran agama masing-masing. Penganut-penganut juga dapat memperolehi ilmu yang mendalam yang disampaikan oleh badan-badan keagamaan tentang adab-adab dan amalan terbaik dalam mendirikan rumah ibadah.

Implikasi negatif pula dari sudut perlaksanaan penggubalan undang-undang yang memakan masa dan kos serta cabaran bagi institusi agama menyampaikan ilmu yang penganutnya.

RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim.
- Aaron, B. 2007. *Cristianity*. United States of America: Mason Crest.
- Abdul Monir Yaacob. 1986. *Hak Asasi Manusia Menurut Islam: Sejarah Dan Konsepnya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Agarwal, R. 2015. Buddhism. *Encyclopedia of Faiths and Cultures*. Research gate.
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. (Akta 133).
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. (Akta 505).
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. (Akta 172).
- al-Imam Ibn Baz. t.th. Ma'na al-islam. *Laman Web Rasmi Sahibus Samahah Sheikh Imam Ibn Baz*. <https://binbaz.org.sa/fatwas/14565/> [9October2019].
- Anon. t.th. Bible Gateway. <https://www.biblegateway.com/> [1 Disember 2019].
- Anon. t.th. BuddhaSutra.com. <http://www.buddhasutra.com/index.html> [1 Disember 2019].
- Cheu Hock Tong. 2000. *Buddhism in Chinese Culture*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Hunt R., Lee Kam Hing & Roxborogh J. 1992. *Cristianity in Malaysia*. t.tp.: Pelanduk Publication.
- Ibn Kathir, Ismail Umar al-Qarsyi al-Damsyiqi Abu Fida' Imad al-Din. 1999. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Edisi Pertama. Saudi Arabia: Dar al-Thaiyyibah.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Makram. 1993. *Lisan Al-Lisan Tahzib Lisan al-Arab*. Pertama. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-'Allamiyyah.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. 1999. Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Islam.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. 2011. Garis Panduan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja Dan Gurdwara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Laporan Taburan Penduduk Dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/c_themeByCat&cat=117&bul_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjd09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09. [1 November 2019].
- Kedutaan A.S. di Malaysia. 2017. *Laporan Kebebasan Beragama Malaysia*. Malaysia: Kedutaan A.S. Kuala Lumpur. https://my.usembassy.gov/ms/irf2017_my-053018-ms/?_ga=2.112206212.1262939839.1569140391-1150543802.1539791072. [1 November 2019].
- Mohd Rosmizi Abd Rahman, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Marina Munira Abdul Mutalib & Roslizawati Mohd Ramly. 2011. *Agama-Agama Di Dunia*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd. Ali Saripan. 2000. Pembinaan rumah ibadat di Pulau Pinang: Satu kajian mengenai insiden agama di Kg. Rawa, Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Jabatan Akidah

- dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Noradura Hamzah. 2006. Beberapa aspek kebebasan beragama di Malaysia: Kajian kritis terhadap Perkara 11(1) Perlombagaan Persekutuan. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Hasliza Mohd Salleh. 2018. Bina kuil ikut mimpi bukan tradisi Hindu, kata Hindu Sangam. *Free Malaysia Today*, 29 December. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/12/29/bina-kuil-ikut-mimpi-bukan-tradisi-hindu-kata-hindu-sangam/>. [15 November 2019]. Perlombagaan Persekutuan Malaysia 1967.
- Ranee Narendranath. 2017. Garis Panduan Kuil Hindu Kebangsaan. Selangor: Malaysia Hindu Sangam.
- Rangan, N. 2017. *Hinduism*. United States of America: Mason Crest.
- Shamrahayu A.Aziz. 2011. Teori dan Realiti Kebebasan Beragama dalam Perlombagaan Persekutuan. Kertas Kerja Seminar Pemahaman Kedudukan Islam dalam Perlombagaan Persekutuan. Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia. 10 Oktober.
- Shamrahayu A. Aziz. 2019. *Islam dalam Perlombagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: IKIM Press.
- Teoh Eng Soon. 1963. *Malayan Buddhism: A Critical Examination*. Singapura: Donald Moore for Eastern Universities Press LTD.
- Sukardji, Sjamsulhadi Marse & Ahmad Gozali. 2007. *Perbandingan Agama*. Jakarta: Azam.
- Zareef Muzammil. 2019. Peruntuk RM6 juta penuhi keperluan rumah ibadat. *Selangor Kini*. Shah Alam. <https://selangorkini.my/2019/05/peruntuk-rm6-juta-penuhi-keperluan-rumah-ibadat/> [25 Ogos 2019].

Nurul Faezah Md Ahair,
p95429@iswa.ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Zuliza Mohd Kusrin,
zuli@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2020) 5(2)

KANDUNGAN / CONTENTS

| | |
|---|--------|
| Peranan Mediator Faktor Kewangan Terhadap Penentu Pembayaran Sewaan Premis Komersial Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang <i>The Role of The Financial Factor as The Mediator on The Determinant of Wakaf Commercial Premise Rental Payment Under Penang State Islamic Council</i> Mohammad Syukri Jalil, Mohd Sabri Abd Ghafar, Azarudin Awang | 1-21 |
| Implikasi Marad Al-Mawt ke atas Akad Hibah Implications of Marad Al-Mawt Over Hibah Agreement Noor Lizza Mohamed Said, Adnan Mohamed Yusoff | 22-28 |
| Pelaksanaan Kontark Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam <i>The Implementation of Muamalat Contract by Disabled Person in Islamic Financial System</i> Ruzian Markom, Mohamad Anwar Zakaria, Azman Ab Rahman | 29-41 |
| Fungsi dan Tanggungjawab Pegawai Syariah dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI 2013) <i>Function and Responsibility of Sharia Officer in Islamic Financial Services Act (IFSA 2013)</i> Mat Noor Mat Zain, Najihah Ali, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani | 42-52 |
| Kawalan Undang-undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia <i>Legal Controls Towards Construction of Houses of Worship in Malaysia</i> Nurul Faezah Md Ahair, Zuliza Mohd Kusrin | 53-64 |
| Garis Panduan Kontrak Derivatif Berasaskan Syariah <i>Guideline of Derivative Contract Based on Syariah</i> Mohd Hafiz Mohd Dasar, Azlin Alisa Ahmad, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani | 65-76 |
| Keperluan Deklarasi Hibah dan Kekangannya dalam Perancangan Harta Orang Islam <i>The Need for Hibah Declarations and Its Constraints in Property Planning of Muslims</i> Rosmiza Ismail, Salmy Edawati Yaacob, Mohd Zamro Muda | 77-83 |
| Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biografi dan Sumbangan dalam Perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia <i>Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biography and Contributions in The Development of Islamic Law in Malaysia</i> Aniqah Binti Azmi, Zuliza Mohd Kusrin | 84-90 |
| دور الإدارة اللامركزية في محاربة الفساد الإداري من منظور إسلامي إدارة القضاء في خلافة عمر بن عبد العزيز نموذجاً: دراسة تحليلية <i>The Role of Decentralized Management in Combating Maladministration from Islamic Perspective: An Analytical Study on Judicial Administration of Caliphate 'Umar Ibn Abd al-'Aziz</i> Jalal Alwan Salman, Ahmad Sufian Bin Che Abdullah, Nor 'Azzah Binti Kamri | 91-107 |

Journal of Contemporary Islamic Law
(2020) Vol. 5(2)

Editor-In-Chief
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani
Co-Editor
Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary
Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor
Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor
Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abdur
Dr. Asman Taeali
Dr. Muhammad Yasir Yusuf
Dr. Ahmad Nizam
Dr. T. Meldi Kesuma
Sarjiyanto
Shinta Melzatia
Dr. Hamza Hammad
Dr. Nazlida Muhamad
Dr. Madiha Riaz
Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor
Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor
Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor
Dr. Mohd Zamro Muda
Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor
Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:
Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:
Author, (2020), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 5(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:
This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivative Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.